

METARYL SYRUP

Promethazine Hydrochloride (5mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Metaryl
2. Bagaimana Metaryl berfungsi
3. Sebelum mengambil Metaryl
4. Cara mengambil Metaryl
5. Semasa mengambil Metaryl
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Metaryl
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Metaryl

Metaryl digunakan untuk:

- melegakan gejala alahan atau reaksi hipersensitiviti seperti demam alergi, urtikaria (ruam yang merah, bengkak dan gatal), angioedema (kulit bengkak), rinitis (radang membran mukus dalam hidung), konjunktivitis (keradangan mata), gatal
- pelali malam
- rawatan dan pencegahan daripada mabuk perjalanan
- vertigo (sensasi berpusing) yang disebabkan oleh pelbagai faktor

Bagaimana Metaryl berfungsi

Metaryl adalah sejenis antihistamina yang membantu mengurangkan simptom alergi dengan menghalang bahan semulajadi (histamina) yang dihasilkan dalam badan semasa tindakbalas alergi. Metaryl membantu mengurangkan rasa loya dan muntah-muntah dengan menghalang zon pencetus kemoreseptor yang terletak pada medulla (sebahagian daripada otak).

Sebelum mengambil Metaryl

Bila tidak boleh mengambil

Beritahu doktor anda jika anda:

- Alergik kepada promethazine atau antihistamina yang lain.
- Alergik kepada mana-mana bahan-bahan yang disenaraikan di akhir risalah ini .
- mempunyai simptom penyakit bahagian bawah saluran pernafasan termasuk asma.

Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

- a) Jangan gunakan pada kanak-kanak berumur kurang daripada 2 tahun.
- b) Gunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor atau ahli farmasi bagi kanak-kanak berusia 2-6 tahun.

Sebelum mula mengambil Metaryl

Sentiasa menggunakan Metaryl seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mempunyai apa-apa masalah kesihatan seperti epilepsi , masalah jantung, masalah hati , glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan dalam mata) , stenosing ulser peptik (ulser saluran penghadaman atas), halangan pyloroduodenal (obstruksi laluan dari perut ke usus) dan halangan pundi kencing akibat pembesaran prostat dan penyempitan leher pundi kencing.

Mengandung dan menyusukan anak

Promethazine hanya boleh digunakan semasa hamil jika potensi manfaat melebihi potensi risiko kepada janin. Sedikit antihistamina dikumuhkan ke dalam susu ibu. Penggunaan tidak digalakkan semasa penyusuan kerana risiko kesan sampingan seperti keterujaan yang luar biasa atau kerengsaan pada bayi.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan lain. Kesan sesetengah ubat mungkin terjejas sekiranya ubat-ubatan lain digunakan pada masa yang sama. Ini termasuk:

- Ubat depresan sistem saraf pusat seperti alkohol , barbiturat , hipnotik , ubat tahan sakit yang mengandungi opioid, ubat penenang ansiolitik dan neuroleptik.
- perencat *Monoamine Oxidase* (antidepresan)
- atropin
- antidepresan trisiklik
- ubat ototoksik (ubat yang boleh menyebabkan kerosakan kepada pendengaran) seperti antibiotik aminoglikosida

Cara mengambil Metaryl

Sentiasa mengambil ubat ini sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

Goncang bekas dengan baik setiap kali sebelum penggunaan.

Berapa banyak harus diambil

Doktor anda akan menasihati anda dos yang diperlukan setiap hari dan tempoh pengambilan ubat ini. Ini bergantung kepada keadaan anda dan sama ada anda mengambil mana-mana ubat-ubatan lain.

Dos yang disyorkan:

Dewasa:

10mg - 20mg dua hingga tiga kali sehari.

Kanak-kanak 5 - 10 tahun:

10mg - 25mg setiap hari dalam satu atau dua dos terbahagi.

Kanak-kanak 2 - 5 tahun:

5mg - 15mg setiap hari dalam satu atau dua dos terbahagi.

Nota: Jangan gunakan pada kanak-kanak berumur kurang daripada 2 tahun kerana potensi untuk mengalami depresi pernafasan yang boleh membawa maut.

Bila perlu diambil

Ikut arahan pada label preskripsi anda dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu diambil

Ikut arahan pada label preskripsi anda dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat itu pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke jabatan kecemasan di hospital

METARYL SYRUP

Promethazine Hydrochloride (5mg/5ml)

yang terdekat jika anda atau orang lain telah mengambil dos yang berlebihan. Jika anda mengambil terlalu banyak Metaryl, anda mungkin mengalami:

- Mengantuk
- Ataksia (gangguan koordinasi otot)
- Keterujaan
- Bergetar
- Psikosis (penyakit mental)
- Halusinasi
- Sawan
- Koma
- Kegagalan pernafasan
- Kegagalan kardiovaskular (melibatkan jantung atau saluran darah)

Semasa mengambil Metaryl

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini pada seperti yang disarankan oleh doktor anda.

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai alahan kepada Promethazine atau lain-lain phenothiazine.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi yang anda ambil.
- Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi. Jika anda hamil semasa mengambil Metaryl, hubungi doktor anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi Metaryl kepada sesiapa walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang masalah kesihatan melainkan jika doktor atau ahli farmasi memberitahu anda.

Elakkan alkohol dan minuman beralkohol.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau sedang menyusukan bayi, jangan ambil Metaryl tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Ubat ini mungkin menyebabkan kesan mengantuk yang ketara. Elakkan semua aktiviti yang memerlukan kewaspadaan mental seperti memandu atau mengendalikan jentera berat.

Warga tua lebih cenderung untuk mengalami kepeningan, sedasi, kekeliruan dan tekanan darah rendah semasa mengambil antihistamina.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat-ubatan mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan-kesan sampingan yang tidak diingini tidak selalu berlaku pada setiap orang. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda menggunakan Metaryl. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab apa-apa soalan yang anda mungkin ada.

Berikut adalah senarai kesan sampingan yang mungkin berlaku. Jangan terkejut dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami mana-mana kesan sampingan ini.

- **Sistem Saraf:** Mengantuk, sedasi, pening, penglihatan kabur sekali-sekala, mulut kering.
- **Dermatologi:** Ruam.
- **Gastro-usus:** Loya, muntah, cirit-birit, sakit epigastrik.
- **Kardiovaskular:** Peningkatan atau penurunan tekanan darah.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers*→*Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Metaryl

Penyimpanan

Simpan semua ubat jauh daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang tertera pada pek bungkusan.

Pastikan botol ditutup rapat dan disimpan di tempat yang kering, dibawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

Cecair coklat muda yang jelas dan mengalir, dengan bau oren.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap 5ml mengandungi: Promethazine Hydrochloride 5mg.

Bahan-bahan tidak aktif:

FD & C Yellow, Anhydrous Citric Acid, Orange Flavour, Methyl paraben sodium, Propyl paraben sodium, Liquid Sorbitol, Purified Water, Sucrose, Vanillin, Caramel, Saccharin Sodium.

Nombor MAL

MAL06051321AZ

Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P), Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000, Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P), Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000, Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

24/06/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)240615/00165